

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 LATAR BELAKANG**

Falsafah Pendidikan Negara (FPN) dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM), memusatkan perhatiannya bagi melahirkan warganegara yang setia, bersatu-padu dan menguasai pelbagai ilmu dan kemahiran moden melalui Bahasa Kebangsaan di sekolah-sekolah kerajaan dan kurikulum seragam bercirikan negara. Itulah cita-cita yang terkandung dalam *Laporan Razak* (1956) dan *Laporan Rahman Talib* (1975) yang teradun dalam Akta Pendidikan 1961 (Wan Mohd. Nor Wan Daud:1995).

Aminuddin Bakri, Penasihat Pelajaran Persekutuan dalam ucapannya dalam Sidang Penuh Pelajaran Malaysia 1963 mengatakan, pelajaran dan pendidikan sebagai suatu usaha yang mulia lalu mendidik dan memimpin kanak-kanak untuk menjadi anggota masyarakat yang berguna dan juga sebagai cara menyampaikan segala pusaka ibunda daripada satu keturunan kepada satu keturunan (Abu Bakar Nordin:1994). Peranan pendidikan juga turut ditumpukan kepada pembentukan keperibadian insan berselaras dengan pembangunan kemanusiaan (Wan Zahid Wan Mohd. Nordin:1988).

Kerana menyedari betapa pentingnya peranan pendidikan dalam pembentukan sebuah negara bangsa, Kementerian Pendidikan sentiasa membuat pemantauan dan menilai semula sistem pendidikan negara dari semasa ke semasa. Sehubungan dengan itu, Laporan Jawatankuasa Kabinet 1979 telah diperkenalkan dan hasilnya terbentuklah Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) pada tahun 1982 dengan memberi penegasan kepada pendidikan 3M dalam bidang menulis, membaca dan mengira (Mohd. Salleh Lebar 1996:3).

Sebahagian besar ciri Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) yang dilaksanakan pada tahun 1988 adalah berlandaskan prinsip KBSR. Penekanan yang seimbang dalam pembentukan emosi, rohani, jasmani dan intelek dititikberatkan berpandukan kepada Falsafah Pendidikan Negara seperti yang terkandung dalam semua Sukatan Pelajaran dan Huraian Sukatan Pelajaran yang digariskan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Falsafah Pendidikan Negara yang telah digariskan ialah, "Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha yang berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan

jasmani berdasarkan kepercayaan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhhlak mulia, bertanggung-jawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara" (*Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Malaysia Tingkatan V*. 1991).

Sejak KBSM diperkenalkan, buku teks memainkan peranan penting sebagai bahan rujukan utama untuk pengajaran dan pembelajaran di samping menjadi bahan bantu mengajar yang utama. Isi kandungan buku teks yang menepati kehendak Sukatan dan Huraian Sukatan Pelajaran seperti yang digariskan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia banyak membantu guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas.

Dalam KBSR dan KBSM, pelbagai alat dan bahan media pengajaran digunakan sebagai suatu cara untuk menghasilkan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan (Yusup Hashim 1997:16). Arfah Abd. Aziz, Fatimah Ibrahim dan Mohd. Dahalan Mohd. Ramli (1993) dalam kajian mereka berkenaan literasi media mendapati media paling utama yang digunakan di sekolah ialah buku. Ini dilikuti oleh carta, televisyen, radio, majalah, 'projector overhead', surat khabar, perakam video dan jurnal. Daud Hamzah dan Kamaruddin Yaakub (1990) pula dalam kajian mereka berkenaan penggunaan

bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran oleh guru-guru di sekolah rendah mendapati guru-guru lebih suka menggunakan buku teks dalam pengajaran.

Ini jelas membuktikan bahawa, walaupun KBSR dan KBSM menitikberatkan bahan media yang lain bagi menyokong dan melancarkan lagi proses pengajaran dan pembelajaran, buku teks masih merupakan bahan bantu atau media pengajaran yang utama. Ini disebabkan isi kandungan yang tertulis mencerminkan aspirasi Falsafah Pendidikan Negara di samping memandu para guru untuk membimbing pelajar mengikut halatuju yang sebenarnya berdasarkan Sukatan Pelajaran.

Kepentingan buku teks dalam proses pengajaran dan pembelajaran sukar dipertikalkan. Buku teks menjadi sumber rujukan dalam proses pelajaran bagi seseorang pelajar baik di sekolah mahupun di rumah (Hussein Haj Ahmad:1985). Buku teks merupakan terjemahan kurikulum bagi sesuatu mata pelajaran dan menjadi bahan penting untuk membantu guru dan murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Sarin Talib 1995:2). Buku teks juga penting kepada ibu bapa kerana kelewatan mendapat pinjaman buku teks kepada anak-anak mereka menyebabkan pelbagai rungutan dan aduan akan tumbul (*Berita Harian*:2 Disember 1992, *Berita Harian*:18 Disember 1995).

Buku teks menduduki status yang unik dan mempunyai fungsi sosial. Buku teks menyerahkan kepada pelajar suatu potongan daripada ilmu pengetahuan dan kebudayaan manusia yang telah dipilih dan disahkan secara rasmi. Ia mengandungi apa yang dianggap bermoral dan bernilai pendidikan (Baharuddin Zainal 1992:3).

Keperluan serta kepentingan buku teks sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran akan terus dipertahankan kerana sebagai bahan kurikulum utama, peranan buku teks adalah untuk mendukung Falsafah Pendidikan Negara sekaligus menyumbang kepada pembinaan insan bersepadu (Abdul Rafie Mahat:2000).

Oleh itu, buku teks akan terus dan tetap menjadi bahan media pengajaran yang utama dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah kerana bahan atau isi kandungannya telah dipilih, disusun dan disahkan sesuai oleh Bahagian Buku Teks (selepas ini disebut BBT) Kementerian Pendidikan Malaysia walaupun menerima salangan hebat daripada media lain.

## **1.2 PERNYATAAN PERMASALAHAN**

Aspek penulisan buku teks merupakan kriteria yang begitu dipentingkan dalam penghasilan sesebuah buku teks yang diperakukan untuk kegunaan di sekolah-sekolah. Isi kandungan buku teks dapat difahami dengan jelas sekiranya gaya persembahan dalam aspek penulisannya menepati pembaca sasaran dan Sukatan Pelajaran. Sehubungan dengan itu, sebelum seseorang penulis itu diterima untuk menjadi penulis buku teks, mereka perlu menjalani dan mengikuti kursus penulisan yang dianjurkan oleh Bahagian Buku Teks (BBT), Kementerian Pendidikan Malaysia.

Sungguhpun kursus penulisan diberi, masih terdapat beberapa aspek penulisan buku teks yang kurang memuaskan. Abd. Hamid Mahmud (1980) dalam kajiannya terhadap pengajaran tatabahasa Bahasa Melayu dalam buku teks Bahasa Melayu Tingkatan Empat dan Lima mendapati aspek tatabahasanya sesuai dengan tahap umur pembaca, baik, kemas dan lengkap. Namun begitu, beliau mendapati soalan-soalan pemahaman tidak benar-benar menguji kebolehan pelajar kerana hanya memerlukan jawapan yang ringkas.

Khadijah Rohani Mohd. Yunus (1982) mengatakan cara persembahan boleh mempengaruhi pelajar mempelajari buku teks. Ini kerana buku teks mempunyai tema dan unit-unit yang ada dalam buku itu mempunyai asas

untuk membina ke arah tema utama. Beliau membuat kesimpulan bahawa faktor perbendaharaan kata dan struktur ayat merupakan dua penentu utama kebolehbacaan di dalam Bahasa Melayu. Oleh itu, kelemahan cara persempahan sesebuah buku teks juga akan turut mempengaruhi pelajar daripada mempelajari buku teks.

Antara aspek persempahan yang diberikan perhatian sebelum sesebuah buku teks itu diterima ialah, adakah persempahan buku teks berkenaan sesuai dengan sesuatu mata pelajaran itu serta apakah isi kandungan buku teks berkenaan mengikut susunan topik yang terkandung dalam Sukatan Pelajaran. Selain itu, aspek persempahan lain yang diberi perhatian ialah apakah persempahan isi kandungan buku teks itu membekalkan pelajar dengan pengetahuan serta adakah terdapat contoh-contoh yang dimuatkan berkaitan dengan alam persekitaran seseorang pelajar itu bagi membolehkan mereka mengembangkan minat mereka.

Hussein Haji Ahmad (1985) dalam kajiananya merujuk Laporan Kajian Mengenai Prestasi Pelaksanaan dan Pentadbiran SPBT untuk Sekolah-Sekolah Menengah di Malaysia 1983 menyatakan bahawa bahasa yang digunakan dalam buku teks terlalu susah, kurang tepat atau kurang jelas. Corak penyampalan atau teknik keterangan konsep dalam buku teks juga kurang memuaskan. Di samping itu beliau turut menyatakan bahawa buku teks

Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris menengah atas paling banyak kelemahan terutama dari segi isinya kurang mencukupi dan tidak tepat, kurang latihan yang sesuai dan penggunaan istilah lama.

Schudson (1994) dalam ulasan eseinya berkaitan "Text Book Politic" mengatakan satu perkara yang paling ketara dan paling teruk berkaitan buku teks ialah buku teks benar-benar membosankan. Ia cenderung menyebabkan pelajar mengantuk daripada pelajar tersebut menjadikannya sebagai bahan yang amat berharga dan dekat dengan mereka. Kebosanan ini mungkin wujud disebabkan aspek persembahan buku teks termasuk corak penyampaian dan penulisannya yang tidak pelbagai menyebabkan buku teks tidak merangsang minat pelajar untuk membacanya.

Corak persembahan penyoalan dalam buku teks turut mempengaruhi minat pelajar untuk menggunakan latihan yang ada dalam buku teks untuk mengulangkaji. Pada bulan Januari 1994, Ketua Pengarah Pendidikan pada waktu itu ialtu Tan Sri Datuk Dr. Wan Zahid Wan Mohd. Nordin mengumumkan bahawa pelajar-pelajar akan diperkenalkan kepada soalan-soalan peperiksaan yang lebih bercorak analitis yang memerlukan pembacaan yang kritis dan kreatif.

Namun begitu, Zaharah Hussin (1995) dalam kajiannya mendapati bahawa bentuk penyoalan dalam buku teks banyak menekankan konsep menyebut kembali apa yang telah diajar, jarang sekali latihan-latihan yang diberi mengarah pelajar kepada kemahiran membuat analisis, menilai, meringkas dan menyelesaikan masalah.

Pelajar-pelajar didakwa mengantuk apabila membaca buku teks seperti yang dikatakan oleh Schudson (1994). Mohd. Zubil Bahak (1997) dalam tulisannya turut mempersoalkan mengapa pelajar Melayu malas membaca buku sains dan berasa mengantuk apabila membaca buku teks mata pelajaran berkenaan tetapi mereka tidak mengantuk apabila membaca majalah hiburan manakala Aziz Deraman (1997) pula mempersoalkan adakah buku teks tahun 1990-an masih relevan digunakan pada abad 21.

Persoalan ini wujud disebabkan buku teks yang digunakan pada hari ini sudah terlalu lama digunakan sedangkan berlaku banyak perubahan dalam iklim pendidikan. Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan (Jabatan Sekolah), Abdul Rafie Mahat mengakui sebahagian buku teks sekolah menengah mengandungi maklumat yang tidak lagi kemas kini, terutama mata pelajaran seperti Geografi, Sains dan juga Vokasional dan Teknik (*Berita Harian*: 23 Jun 2000).

Selain maklumat yang tidak lagi kemas kini, terdapat sekurang-kurangnya dua puluh kesilapan fakta telah dikesan dalam buku teks Sejarah Tingkatan Satu hingga Lima. Fakta yang ditulis bukan sahaja salah apabila dibandingkan dengan buku sejarah serta buku teks Sejarah yang berwibawa, malah ada fakta yang ditulis bertentangan antara sebuah buku teks dengan buku teks yang lain (*Berita Harian*: 17 November 1999). Kedua-dua faktor ini cukup untuk membuatkan pelajar berasa mengantuk di samping membuktikan pentingnya seseorang penulis buku teks itu mempersesembahkan corak penulisan yang berkualiti tanpa adanya kesilapan fakta.

Zawawi Hj. Ahmad (1988) dalam kajiannya mendapati buku teks Pendidikan Islam didapati sukar untuk menarik minat pelajar kepada pelajaran tersebut. Ahmad Jusoh (1998) membenarkan kajian Zawawi apabila beliau membuat kajian berkaitan kualiti buku teks Pendidikan Islam KBSM dengan menyatakan bahawa buku teks berkenaan lebih mengutamakan isi pelajaran daripada bentuk ilustrasi dan penyampaian isi-isi pelajaran pula lebih banyak menggunakan rencana berbentuk penerangan menyebabkan penyampaiannya tidak menarik.

Norhashimah Jalaluddin (1999) menguatkan lagi kajian Hussein Haji Ahmad (1985) yang mengatakan bahawa bahasa yang digunakan dalam buku teks adalah susah atau sukar difahami untuk peringkat pembaca sasaran.

Norhashimah membuat kajian terhadap aspek semantik dalam penulisan buku teks Tahun Empat. Beliau mendapat terdapat beberapa aspek penulisan terutamanya pemilihan dan penggunaan perkataan-perkataan yang sukar untuk tahap pembaca berkenaan.

Memandangkan aspek persempahan penulisan sesebuah bahan bercetak terutamanya buku teks untuk pelajar-pelajar sekolah begitu penting bukan sahaja sebagai mencerminkan aspirasi kurikulum tetapi juga bagi menarik perhatian pembacanya, adalah wajar aspek persempahan penulisan sesebuah buku teks diberi perhatian dan penekanan penting sebelum ia diterima untuk digunakan di sekolah. Kepelbagalan gaya penulisan dengan memasukkan pelbagai jenis alat penulisan dapat menjadikan sesebuah persempahan penulisan itu menarik dan segar serta tidak membosankan

Berdasarkan permasalahan ini, pengkaji ingin mengkaji persempahan penulisan dalam buku-buku teks tertentu melalui penggunaan alat penulisan berdasarkan kaedah-kaedah yang telah dipilih. Pengkaji ingin melihat adakah terdapat kepelbagalan dalam penggunaan alat penulisan yang boleh menjadikan isi kandungan sesebuah buku teks itu menarik, pelbagai dan segar untuk ia terus ditatapi oleh pelajar.

Selain itu, walaupun telah ada beberapa kajian yang menyentuh isi kandungan buku teks berkaitan persembahan isi pelajaran, ilustrasi, bahasa dan laras bahasa, jenis isi pelajaran atau latihan dan aspek keterbacaannya, namun belum ada lagi yang mengkaji berkaitan aspek alat-alat penulisan yang digunakan dalam buku teks. Oleh itu, pengkaji ingin mengkaji aspek berkenaan kerana aspek penulisan merupakan aspek yang penting. Tanpa penulisan, isi kandungan buku teks tidak akan dapat disampaikan kepada pelajar atau pembacanya

### **1.3   OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini pada asasnya bertujuan untuk meneliti aspek persembahan penulisan sesebuah buku teks sebagai salah satu bentuk penerbitan. Secara khusus, kajian ini bertujuan untuk :

- a) Meneliti buku-buku teks mata pelajaran teras untuk Tingkatan Lima yang terpilih dari segi persembahan penulisannya dengan memberi tumpuan khusus kepada penggunaan alat-alat penulisannya.
- b) Mengesan dan mengenalpasti kaedah alat-alat penulisan yang digunakan dalam penulisan utama setiap bab atau unit.
- c) Membuat perbandingan kekerapan penggunaan jenis alat-alat penulisan yang dipersembahkan dalam setiap teks.

- d) Mengenalpasti masalah penyampaian persembahan alat-alat penulisan dari segi tatabahasa.

#### **1.4 BATASAN KAJIAN**

Kajian ini dibataskan kepada:

- a) Kajian tentang aspek penggunaan dan pemilihan kaedah alat-alat penulisan dalam buku teks berbahasa Melayu (dengan penggunaan tulisan rumi sahaja) yang terpilih iaitu Bahasa Melayu, Sains, Sejarah, dan Pengetahuan Moral, iaitu empat daripada enam mata pelajaran teras yang wajib diduduki oleh pelajar untuk peringkat peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), KBSM. Walaupun terdapat tujuh mata pelajaran tetapi hanya enam mata pelajaran sahaja kerana pelajar Islam mengambil mata pelajaran Pengetahuan Islam manakala pelajar bukan Islam mengambil mata pelajaran Pengetahuan Moral. Mata pelajaran yang lain ialah Matematik dan Bahasa Inggeris.

Pengkaji tidak memilih buku teks *Matematik* kerana mata pelajaran ini lebih memberikan tumpuan terhadap aspek pernomboran daripada penulisan. Buku teks *Pengetahuan Islam*

tidak dipilih kerana buku teks berkenaan (sebanyak dua buah) menggunakan tulisan jawi sepenuhnya begitu juga untuk buku teks Bahasa Inggeris.

Kajian juga dibataskan mengikut unit/bab dalam keempat-empat buku teks. Dalam buku teks *Sejarah*, keseluruhan babnya akan dikaji dan diteliti begitu juga dengan buku teks *Pendidikan Moral*. Namun begitu, untuk buku teks *Sains* hanya bahagian pendahuluan dan teks teras dalam keseluruhan babnya sahaja yang akan dikaji. Bahagian aktiviti akan ditinggalkan kerana bahagian ini merupakan arahan untuk pengumpulan maklumat, menjalankan eksperimen, membina model, berbincang dan berbahas serta membentangkan kertas kerja.

Untuk buku teks *Bahasa Melayu* pula, hanya bahan untuk komponen kemahiran membaca dan memahami sahaja yang akan dianalisis. Bahan untuk komponen kemahiran mendengar dan bertutur dan menulis serta kemahiran tatabahasa tidak akan dianalisis kerana bahan tersebut lebih menjurus kepada aktiviti yang perlu dilakukan di dalam kelas.

- b) Alat-alat penulisan yang dikaji meliputi kaedah-kaedah yang lazim digunakan dalam wacana penulisan. Kaedah-kaedah itu ialah penakrifan, penamsilan, pencerakinan, penjejakan, perbandingan, pengelasan, percontohan, petikan, satira, anekdot dan kaedah-kaedah lain seperti penggunaan bahasa figuratif, perumpamaan, peribahasa, simpulan bahasa, pepatah, ungkapan dan bahasa puitis.
  
- c) Peringkat pendidikan yang dikaji ialah menengah atas, iaitu Tingkatan Lima. Oleh itu, buku teks yang dipilih ialah buku teks untuk Tingkatan Lima sahaja.

## **1.5 KAEDAH KAJIAN**

Kajian ini dilaksanakan mengikut kaedah analisis isi kandungan. Berelson (1952) menakrifkan analisis isi kandungan sebagai usaha untuk memaparkan sesuatu secara objektif, sistematik dan kuantitatif terhadap isi kandungan media yang tersurat. Kerlinger (1973) menyatakan bahawa analisis kandungan adalah cara untuk mengkaji dan menganalisis komunikasi dengan cara yang sistematik, objektif, secara kuantitatif untuk tujuan mengukur perubahan atau perbezaan. Krippendorf (1980) pula mendefinisikan analisis kandungan sebagai satu teknik penyelidikan ke arah

mendapatkan kesimpulan yang “replicable” dan sahih daripada data dan konteksnya.

Analisis isi kandungan memberi tumpuan kepada apa yang ada di permukaan atau ciri-ciri luaran sesuatu teks media dengan cara yang objektif, sistematik, kuantitatif dan lahiriah. Asiah Sarji (1999) menyatakan analisis kandungan adalah semata-mata untuk mengesahkan apa yang terkandung di dalam teks sama ada teks yang dibaca atau didengar. Manakala Mohd. Dhari Othman (1999) menyatakan bahawa analisis kandungan bukan sahaja digunakan untuk mengkaji sesebuah kandungan akhbar, malah segala bahan komunikasi yang telah direkod seperti lukisan, lakaran, tulisan, buku, majalah, rakaman audio, rakaman video, filem dan seumpamanya.

Dengan itu dapatlah dibuat kesimpulan bahawa analisis kandungan adalah satu kaedah atau metodologi yang bertujuan untuk menyediakan gambaran yang sistematik tentang ciri-ciri permukaan dan luaran teks. Ia boleh digunakan untuk mengkaji bentuk-bentuk hasil pengeluaran media yang luas dari segi luaran dan permukaannya seperti liputan, topik, tema, isu-isu, tipografi, ilustrasi dan sebagainya. Kaedah ini sangat popular digunakan oleh pengkaji media kerana ia memberikan

cara yang berkesan untuk mengkaji kandungan media (Wimmer dan Joseph R. Dominick 1997:111 dan Syed Arabi Idid 1998:119).

Pengkaji memilih kaedah ini kerana pengkaji mengkaji isi kandungan buku teks laitu dari segi cara bagaimana bahan atau isi kandungan itu disampaikan dengan membuat tumpuan khusus kepada kaedah atau jenis alat-alat penulisan yang digunakan. Kaedah analisis kandungan sesuai digunakan dalam kajian ini kerana pengkaji hanya melihat aspek permukaan sebuah media laitu buku teks.

### **1.5.1 Instrumen Kajian**

Untuk kajian ini pengkaji menggunakan jadual untuk mengesan, meneliti dan mengkaji apakah kaedah penulisan yang digunakan. Selain itu, instrumen ini juga turut digunakan untuk mengesan akan kepelbagaiannya kaedah penulisan yang digunakan dalam setiap latihan. Untuk setiap kaedah penulisan yang berjaya dikesan, pengkaji akan menandakannya pada jadual tersebut. Apabila semua bahan dalam buku-buku teks yang terpilih telah dikenalpasti kaedah penulisan yang digunakan, pengkaji akan menjumlahkan kekerapan penggunaannya dan kiraan dalam bentuk peratusan akan dibuat (lihat lampiran).

Kaedah-kaedah penulisan yang digunakan akan dikenalpasti dan diteliti berdasarkan bab (dalam buku teks *Sejarah*, *Sains* dan *Pendidikan Moral*) dan unit (dalam buku teks *Bahasa Melayu*). Bab dan unit ini pula akan diteliti mengikut perenggan bagi memudahkan pengkaji membuat penelitian secara terperinci. Oleh sebab setiap bab atau unit tidak sama dari segi kepanjangannya, maka jumlah kekerapan kaedah penulisan yang digunakan pasti tidak sama. Misalnya, satu bab dalam buku teks *Sejarah* boleh menjangkau sehingga 40 muka surat berbanding satu bab dalam teks *Pendidikan Moral* dan *Bahasa Melayu*, laitu antara 1 hingga 3 muka surat sahaja. Dengan itu, penggunaan jadual akan dapat membantu pengkaji membuat kiraan setiap kaedah penulisan yang digunakan.

Jadual yang digunakan bertujuan untuk menjawab soalan-soalan berikut:

- a) Apakah kaedah penulisan yang digunakan?
- b) Berapakah jumlah setiap kaedah penulisan yang digunakan dalam setiap teks?
- c) Apakah terdapat perbezaan yang jelas dalam kekerapan penggunaan kaedah penulisan antara setiap teks?

## **1.6 PENJELASAN KONSEP**

### **1.6.1 Alat-alat penulisan**

Alat-alat penulisan merupakan cara-cara atau kaedah yang kita gunakan untuk menyampaikan idea atau buah fikiran kita supaya ia bukan sahaja sampai kepada khalayaknya tetapi juga menghasilkan kesan yang kita ingini (Mohd. Sidin Ahmad Ishak 1999:51).

### **1.6.2 Penakrifian**

Penjelasan berkenaan sesuatu (*Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan* 1995:1864). Oleh kerana perkataan mempunyai makna yang berbeza, pembaca mempunyai tafsiran yang berbeza terhadap perkataan yang sama (Donald, Betty Richmond Morrow, Lilian Griffith Wargetz dan Kathleen Werner 1996:227). Dengan itu penakrifian atau penjelasan terhadap sesuatu perkataan perlu diterangkan dengan memberikan batasan atau sekatan seperti yang terkandung dalam kamus. Melalui penetapan itu, dengan sendirinya terkeluarlah pengertian-pengertian yang tidak terkandung di dalamnya atau yang tidak ada kena-mengena dengannya.

Penakrifian dibuat dengan beberapa cara antaranya:

- a) *Takrifan Senama atau Sinonim*

Salah satu cara yang paling mudah dan cepat untuk menerangkan maksud sesuatu perkataan (Donald et al. 1996:231). Takrifan ini wujud dalam sesuatu ayat dan ia menerangkan istilah utama (Mohd. Sidin Ahmad Ishak 1999:52). Takrifan senama digunakan bagi menerangkan atau menjelaskan maksud yang sama dengan sesuatu perkataan yang digunakan.

b) *Takrifan Asal-Usul*

Takrifan ini digunakan untuk mendapatkan makna sesuatu perkataan atau istilah melalui asal-usul sejarah atau semantiknya. Mengetahui asal-usul sesuatu perkataan bukan sahaja akan memberikan pemahaman yang lebih jelas terhadap sesuatu perkataan tetapi akan membantu seseorang pembaca mengingatinya kerana gambaran yang diberikan.

c) *Takrifan Kelas Pembahagian*

Satu kaedah yang berguna dalam mentakrifkan sesuatu yang kompleks dengan membahagikannya kepada pelbagai aspek dari segi maknanya (Donald et. al. 1996:234). Jika kita ingin membicarakan kelas ekonomi masyarakat Malaysia, kita boleh membahagikan mereka kepada pelbagai kumpulan seperti golongan atasan, golongan pertengahan, pekerja buruh mahir

atau separuh mahir dan sebagainya. Takrifan ini dianggap wajar dan sesuai untuk banyak keadaan. Setiap benda mempunyai kelasnya masing-masing dan mungkin lebih mudah untuk menerangkan sesuatu perkara itu dengan menyebutkan kelasnya (Mohd. Sidin Ahmad Ishak 1996:55).

### 1.6.3 Penamsilan

Dalam *Kamus Besar Utusan Melayu* (1995:1878) tamsil membawa maksud ibarat, kias teladan, persamaan, misal perbandingan, perumpamaan atau contoh. Sementara Mohd. Sidin Ahmad Ishak (1996:59) menyatakan perkataan senama dengan penamsilan yang juga biasa digunakan ialah analogi, penaakulan dan klas ibarat. Penamsilan merupakan sejenis perbandingan yang dilakukan dengan cara memperkenalkan subjek kedua untuk menunjukkan persamaan dan ini dapat menerangkan sesuatu tentang topik utama atau membuat justifikasi terhadapnya. Analogi selalunya menerangkan sesuatu yang tidak begitu dikenali dengan menyamakannya dengan sesuatu yang diketahui atau dikenali umum (Reinking, Hart dan Von Der Osten 1996:121).

#### **1.6.4 Perbandingan**

Perbandingan selalu membantu kita membuat pilihan dalam alternatif yang ada (Reinking et. al. 1996:116). Perbandingan turut mempengaruhi keputusan penting yang dibuat. Perbandingan dibuat dengan melihat persamaan dan perbezaan sesuatu keadaan atau perkara dengan melibatkan sekurang-kurangnya dua subjek. Perbandingan boleh dibuat dengan menetapkan fokus apakah yang ingin kita bandingkan.

#### **1.6.5 Pencerakinan**

Pencerakinan atau analisis merujuk kepada teknik perkembangan topik dengan memecah-memecahkannya kepada beberapa komponen dan kemudian membincangkan komponen itu satu persatu dengan membentuk kesatuan kesatuan antara bahagian-bahagian itu.

#### **1.6.6 Percontohan**

Percontohan digunakan sebagai teknik untuk membantu menerangkan sesuatu perkara dengan lebih jelas dan khusus. Ia digunakan sama ada untuk menggambarkan sesuatu perkara atau membuat sesuatu huraian dengan lebih khusus. Percontohan juga digunakan untuk menarik dan menambah minat pembaca ( Skwire dan Sarah E. Skwire 1998:97).

Percontohan terbahagi kepada :

a) Percontohan Berganda

Contoh-contoh khusus yang berbilang dan pendek-pendek yang digunakan untuk membantu pengembangan idea atau perenggan bagi menjelaskan dan menerangkan sesuatu perkara dengan berkesan.

b) Percontohan Mengembang

Apabila sesuatu perenggan diperluas oleh sesuatu contoh yang panjang dan dihuraikan agak panjang lebar. Penulis berusaha untuk membuat gambaran yang baik melalui satu penerangan yang jelas terhadap fokusnya dengan menggunakan satu contoh yang khusus sahaja.

#### 1.6.7 Petikan

Petikan digunakan dengan memasukkan perkataan atau ayat yang dipinjam daripada pendapat orang lain dengan meletakkan tanda 'penglikat kata'. Jadual, rajah atau maklumat yang diambil daripada sumber lain dan dimasukkan dalam penulisan juga dinamakan petikan. Sesetengah butiran ucapan itu lebih baik diolah semula oleh penulis bagi memastikan fakta itu benar-benar ringkas, tepat dan padat (Mus Chairil Samani 1997:120). Petikan digunakan untuk memberikan bukti

atau sokongan kepada sesebuah penulisan daripada pihak yang mempunyai autoriti.

#### 1.6.8 Anekdot

Satu bentuk petikan cerita ringkas biasanya bersifat dramatik dan lucu untuk mewujudkan suasana segar, hidup dan juga untuk menarik perhatian pembaca. *Kamus Besar Utusan Melayu* mendefiniskan anekdot sebagai cerita singkat yang menarik, lucu dan mengesankan (1995:63) Anekdot biasanya menceritakan kejadian menarik atau lelucon tetapi benar secara ringkas (Mus Chairil Samani 1997:114).

#### 1.6.9 Satira

Satu karya prosa atau puisi yang mempersendakan atau menyindir orang lain . Satira boleh dikelaskan kepada tiga bahagian iaitu ironi, invektif dan parodi. Ironi merujuk kepada keadaan atau kejadian yang menunjukkan pertentangan atau kesan sebaliknya antara sesuatu yang dijangkakan dengan yang menjadi hakikatnya. Invektif pula ialah suatu keadaan yang berbentuk caci maki secara terus tanpa berselindung manakala parodi merupakan peniruan terhadap gaya atau percakapan seseorang dengan cara yang lucu atau menyindir.

### 1.6.10 Pengelasan

Pengelasan berkaitan dengan perihal atau perbuatan mengelaskan, membahagikan atau mengasingkan sesuatu kepada beberapa kumpulan atau golongan tertentu (*Kamus Dewan* 1998:609).

Pengelasan diperlukan untuk mengelompokkan sesuatu mengikut kumpulan atau jenisnya bagi memudahkan untuk membuat persamaan atau perbezaan.

### 1.6.11 Penjejakan

Apabila sesuatu kejadian, peristiwa atau perkara yang telah berlaku dimasukkan dalam penulisan dengan mengutamakan menyebut tarikh atau tahun sesuatu kejadian atau peristiwa itu berlaku. Pengesahan, penyiasatan dan penyelidikan terlebih dahulu dilakukan bagi memastikan kebenaran fakta yang dikemukakan.

### 1.6.12 Lain-lain

Bahasa figuratif (personifikasi, metafora, simili), peribahasa, simpulan bahasa, pepatah, ungkapan dan bahasa puitis merupakan antara kaedah penulisan yang digunakan dalam penulisan terutamanya penulisan fiksyen selain bentuk penulisan penceritaan. Walau bagaimanapun, alat-alat penulisan ini turut digunakan dalam penulisan bukan fiksyen.

Bahasa figuratif merupakan perkataan, rangka kata dan sebagainya yang menunjukkan makna yang lebih abstrak atau imaginatif daripada makna biasa (*Kamus Dewan* 1998:351). Peribahasa pula adalah ayat atau kelompok kata yang mempunyai susunan yang tetap dan mengandungi pengertian tertentu (*Kamus Dewan* 1998:1018) sementara pepatah adalah peribahasa yang mengandungi nasihat, ajaran orang tua-tua (*Kamus Dewan* 1998:1010).

Simpulan bahasa pula ditakrifkan sebagai ucapan bahasa atau ungkapan singkat yang mempunyai makna khusus (*Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan* 1995:1762) manakala ungkapan ditakrifkan sebagai susunan kata yang digunakan dalam percakapan (tulisan), frasa atau rangka kata yang tertentu susunan katanya (*Kamus Dewan* 1998:1522) sementara bahasa puisi pula merupakan perkataan, frasa atau rangka kata yang indah dan menarik (*Kamus Dewan* 1998:1063).

## **1.7 SIGNIFIKAN KAJIAN**

Kajian ini diharap akan memberikan manfaat kepada beberapa pihak yang berhubungan secara langsung dengan penerbitan dan penggunaan buku teks, laitut:

### **1.7.1 Bahagian Buku Teks (BBT), Kementerian Pendidikan Malaysia**

Memandangkan BBT berperanan memilih, menerbitkan dan mengedarkan buku-buku teks untuk kegunaan di sekolah-sekolah, kajian ini diharapkan akan dapat menghuraikan pencapaian dalam aspek persembahan penulisan buku teks. Persembahan penulisan dalam menyampaikan isi kandungan Sukatan Pelajaran sesuatu mata pelajaran akan lebih menarik dan segar jika aspek penulisannya diberikan perhatian utama. Buku teks tidak seharusnya bersifat memberi penerangan sahaja hanya kerana ia bersifat akademik. Kepelbagalan aspek penulisan harus diberikan tumpuan supaya fungsi buku teks bukan sekadar memenuhi Sukatan Pelajaran tetapi menjadi rujukan utama bagi guru dan pelajar.

### **1.7.2 Penulis-penulis buku teks**

Kajian ini diharapkan dapat membantu penulis-penulis buku teks dalam mengenalpasti jenis alat-alat penulisan yang perlu dan sesual untuk dimasukkan dalam penulisan bagi menjadikan penulisan mereka menarik dan persembahan dalam penyampaian isi kandungan sesebuah buku teks itu tidak membosankan dengan adanya kepelbagalan.

#### **1.7.3 Penerbit-penerbit buku teks**

BBT dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) tidak menerbitkan semua buku teks untuk keperluan sekolah-sekolah di Malaysia. Melalui sistem terbuka, penerbit-penerbit yang lain turut diberi peluang untuk menerbitkan buku teks. Adalah diharapkan, kajian ini sedikit sebanyak akan dapat membantu para penerbit untuk memilih penulis dan persembahan penyampaian isi kandungan buku teks yang berkualiti dengan harapan syarikat mereka akan terus mendapat kepercayaan menerbitkan buku teks.

#### **1.7.4 Guru-guru**

Kepentingan penggunaan dan kebarangkalian buku teks dibawa ke dalam kelas dalam proses pengajaran dan pembelajaran bergantung kepada guru. Dengan kajian ini, diharapkan akan dapat membantu guru-guru mata pelajaran yang berkenaan mengenalpasti buku teks manakah yang baik dari segi aspek persembahan penulisannya yang sekali gus akan menarik minat guru-guru untuk menggunakannya sebagai bahan bantu mengajar yang penting selain media yang lain.